


PRAKTIS UPSR 4

Unit 4: Peratus

UPSR KERTAS 1

1. Rajah di bawah menunjukkan beberapa segi empat sama yang sama saiz.

KLON UPSR 2019



Berapakah peratusan bahagian berlorek daripada seluruh rajah itu?

- A 0.08%
- B 0.8%
- C 8%
- D 80%

2. $375\% =$

KLON UPSR 2019

- A $3\frac{3}{4}$
- B $3\frac{1}{2}$
- C $3\frac{1}{4}$
- D $3\frac{1}{8}$

3. Antara berikut, yang manakah betul?

KLON UPSR 2019

- A $\frac{7}{10} = 70\%$
- B $\frac{4}{100} = 40\%$
- C $\frac{6}{10} = 6\%$
- D $\frac{20}{100} = 200\%$

4. Dalam suatu pertandingan, $\frac{3}{8}$ daripada jumlah peserta ialah peserta lelaki. Berapakah peratusan peserta adalah perempuan?

KLON UPSR 2019

- A 75%
- B 65%
- C 62.5%
- D 37.5%

5. Antara berikut, yang manakah betul?

KLON UPSR 2018

- A $3\% = 0.03$
- B $4.2\% = 0.42$
- C $50\% = 0.05$
- D $91\% = 91$

6. Rajah di bawah menunjukkan sekeping cek milik Kamal bin Arshad. Dia simpan cek itu di dalam Bank Wira.

BANK WIRA		Tarikh	02/03/2021
Bayar: KAMAL B. ARSHAD			
Ringgit Malaysia: Lapan ribu lima ratus sahaja			RM8 500.00

Kamal mendapat kadar faedah sebanyak 3.5% setahun. Hitung jumlah wang simpanan Kamal selepas genap setahun.

- A RM297.50
- B RM2 975
- C RM8 529.75
- D RM8 797.50

7. $8.6\% \times 9\ 500 =$

- A 8.17
- B 81.7
- C 817
- D 8 170

8. Siti membelanjakan 35% daripada gajinya untuk makanan dan 20% untuk sewa rumah. Siti masih mempunyai RM1 800. Berapakah gaji asal Siti?

- A RM810
- B RM2 610
- C RM4 000
- D RM4 800

9. Hitung 0.8% daripada RM2 500.

- A RM2
- B RM20
- C RM200
- D RM2 000

10. Asraf mendapat 75% dalam satu ujian. Terdapat 60 soalan dalam ujian itu. Sasaran Asraf ialah 90%. Berapa soalan lagi yang perlu Asraf jawab dengan betul supaya dapat mencapai sasarannya?

A 54 B 21
C 12 D 9

11. 25% daripada 2 hari ialah

A 6 jam B 8 jam
C 10 jam D 12 jam

12. Tukarkan $1\frac{3}{8}$ kepada peratusan.

A 160% B 140%
C 138% D 137.5%

13. 32% daripada suatu nombor ialah 144. Apakah nombor itu?

A 450 B 460
C 480 D 500

14. Diberi $\frac{7}{K} = 35\%$, apakah nilai K ?

A 5 B 15
C 20 D 24.5

15. Jadual di bawah menunjukkan wang simpanan Amirul di empat buah bank, R , S , T dan U . Setiap bank itu menawarkan kadar faedah yang berlainan.

Bank	Wang simpanan	Kadar faedah setahun
R	RM4 000	3.1%
S	RM2 000	3.5%
T	RM5 000	2.6%
U	RM7 000	1.8%

Pada akhir tahun, Amirul akan mendapat nilai faedah paling banyak daripada wang simpanan di bank

A R B S
C T D U

16. Jadual di bawah menunjukkan bilangan bola di dalam dua buah kotak.

Kotak R	Kotak S
460	500

30% daripada jumlah bola di dalam dua buah kotak itu berwarna putih.

$\frac{1}{4}$ daripada bilangan bola putih itu dikeluarkan daripada kotak. Hitung bilangan bola putih yang tinggal.

A 72
B 206
C 216
D 288

17. Jadual di bawah menunjukkan harga kos dan harga jual bagi empat barang.

Barang	Harga kos	Harga jual
P	RM80	RM100
Q	RM90	RM108
R	RM75	RM97.50
S	RM60	RM76.80

Barang manakah yang memberi peratusan keuntungan yang paling rendah?

A P
B Q
C R
D S

18. Raju menyertai perlumbaan basikal sejauh 60 km. Selepas 75% perjalanan, basikalnya rosak. Berapakah jarak, dalam km, perjalanan yang tidak dapat disempurnakannya? KBAT Mengaplikasi

A 15
B 25
C 35
D 45